

## ISU DAN TINDAKAN BERKAITAN WUJUD/KEMAS KINI KOD PEMBEKAL DI PORTAL iGFMAS

## PROSES WUJUD KOD PEMBEKAL

## ISU BERBANGKIT

Personel MySTEP yang telah wujud di eVendor (kod pembekal 60 siri) **sebelum 11 Mac 2021 dan belum didaftarkan semula di Portal iGFMAS** (kod pembekal PANS - 14 siri) dan terapar mesej ralat "Pembekal telah wujud" semasa proses pendaftaran kod pembekal PANS.

## TINDAKAN

Pusat Tanggungjawab (PTJ) **dibenarkan** untuk menggunakan kod pembekal 60 siri untuk bayaran gaji personel MySTEP.

PTJ

## ISU BERBANGKIT

Personel MySTEP yang **telah berjaya wujud** dengan kod pembekal PANS - 14 siri.

## TINDAKAN

PTJ hendaklah **meneruskan pembayaran** menggunakan kod pembekal tersebut.

PTJ

## ISU BERBANGKIT

Pendaftaran bagi pembekal PANS/NOTE di Portal iGFMAS dan/atau personel MySTEP yang **baharu dilantik selepas 11 Mac 2021**.

## TINDAKAN

PTJ **wujudkan kod pembekal** PANS/NOTE melalui Portal iGFMAS.

PP &amp; PTJ

## ISU BERBANGKIT

Pendaftaran bagi pembekal PANS/NOTE di portal iGFMAS dan/atau personel MySTEP **yang baharu dilantik selepas 11 Mac 2021 tetapi tidak berjaya diwujudkan** melalui Portal iGFMAS dengan mesej ralat "Kod Pembekal Telah Wujud"

## TINDAKAN

Pejabat Perakaunan (PP) perlu wujudkan kod pembekal PANS (14 siri)/NOTE (40 siri) **melalui T-code FK01 di SAPGUI**. Permohonan capaian sementara T-code tersebut perlu dibuat melalui **SOLMAN** kepada Unit Authorization, BPTM. Akses akan diberi secara bertempoh. Sila maklumkan kepada Unit Authorization, BPTM selepas proses pewujudan selesai dibuat. Pihak PP perlu pastikan **check box di tanda (v) di medan individual payment semasa penyediaan pembekal PANS/NOTE di SAPGUI**.

PP

## PROSES KEMAS KINI KOD PEMBEKAL

## ISU BERBANGKIT

Terdapat keperluan pengemaskinian maklumat pembekal bagi medan Nama dan Nombor Pendaftaran tetapi tidak dapat dilakukan di Portal iGFMAS. PTJ perlu **mengemukakan SOLMAN** bagi **pemetulan ke atas maklumat nama dan No. Kad Pengenalan pembekal**.

## TINDAKAN

PP perlu **mendapatkan capaian sementara** bagi T-code FK02 **melalui SOLMAN** kepada Unit Authorization, BPTM. Akses akan diberi secara bertempoh. Sila maklumkan kepada Unit Authorization, BPTM selepas proses kemas kini selesai dibuat.

PP

Tindakan yang diberikan ini adalah terpakai sehingga tindakan pembaikan program wujud/kemas kini maklumat pembekal di Portal iGFMAS selesai dilakukan oleh BPTM sekitar awal Julai 2021 atau jika lebih awal akan dimaklumkan.